

Rujukan Kami : USM.JB.HB.G.1/2023

Tarikh : 23 Februari 2023

Dekan/Pengarah/Penyelaras/Ketua Jabatan
Pusat Pengajian/Pusat Kecemerlangan/
Pusat Perkhidmatan/Jabatan

Semua Warga Staf
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2023
PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN TAHUN 2022 SECARA DALAM TALIAN (iEC)**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Menurut peruntukan Subseksyen 83(1A), Akta Cukai Pendapatan 1967, setiap majikan perlu menyediakan Penyata Saraan Daripada Penggajian kepada staf bagi tujuan penyempurnaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) secara individu.

3. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Penyata Saraan Daripada Penggajian Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022 telah tersedia dan boleh dicapai secara dalam talian di portal eFAS (*myAccount - iEC*) yang boleh diakses melalui *Campus Online* **mulai 28 Februari 2023**. YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan boleh menghubungi Unit Emolumen, Jabatan Bendahari di setiap kampus untuk sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini seperti berikut:

<u>Kampus</u>	<u>Sambungan</u>
Induk	(81) 4134, 4130 dan 3833
Kejuruteraan	(81) 6265
Kesihatan	(83) 2108 dan 2135

4. Selaras dengan perkara (2), dengan ini dimaklumkan Resit Pengecualian Cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 juga tersedia untuk dimuat turun melalui portal eFAS (*myAccount - Resit Pengecualian Cukai*), sebagai dokumen sokongan dalam penyempurnaan BNCP.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan memanjangkan hebahan ini kepada semua staf di bawah seliaan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(KAMARUL ARIFFIN NGAH)
Bendahari



**HEBAHAN BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2023
PENYATA SARAAN DARIPADA PENGGAJIAN TAHUN 2022 SECARA DALAM TALIAN (iEC)**

s.k. Naib Canselor

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan Dan Inovasi

Timbalan Naib Canselor
Akademik Dan Antarabangsa

Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pembangunan Pelajar Dan Alumni

Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri Dan Masyarakat

Pengarah
Kampus Kesihatan

Pengarah
Kampus Kejuruteraan

Pendaftar

Pemangku Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Ombudsman

Pengarah
Pusat Perancangan Institusi Dan Strategik

Pengarah
Pembangunan Korporat Strategik